

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**KAWASAN : TELOK KEMANG**  
**TARIKH : 23 MEI 2016, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kementerian bagi mewujudkan jajaran Lebuhraya Pantai Barat hingga ke Johor yang boleh mencetuskan pembangunan infrastruktur yang akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi kepada negeri-negeri tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuh Raya Pantai Barat bagi Koridor Selatan telah dikenal pasti menerusi laporan Pelan Induk Pembangunan Jalan Raya atau 'Highway Network Development Plan' (HNDP) yang diterbitkan pada tahun 2008. Laporan tersebut telah mencadangkan supaya dibina Lebuh Raya Pantai Barat (Koridor Selatan) yang melibatkan jajaran dari Banting, Selangor melalui Port Dickson, Negeri Sembilan – melalui persisiran pantai negeri Melaka, dan akan berakhir sehingga ke Gelang Patah, Johor. Kerajaan berpandangan projek berkenaan sememangnya berpotensi untuk dilaksanakan.

Berikutan daripada pengumuman Bajet 2016 mengenai cadangan projek Lebuh Raya Persisiran Pantai Melaka – iaitu sebahagian daripada skop Lebuh Raya Pantai Barat Koridor Selatan – pihak Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah mengemukakan 2 kaedah pilihan pelaksanaan projek untuk pertimbangan Kerajaan, iaitu sama ada menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FT05) sedia ada kepada laluan 4 lorong 2 hala ('dual-carriageway') secara konvensional; atau melaksanakan Lebuh Raya Pantai Barat (Koridor Selatan) menerusi kaedah penswastan lebuh raya bertol.

Rentetan itu Jemaah Menteri pada bulan Mac 2016 yang lalu setelah menimbang kedua-dua pilihan tersebut – telah memutuskan supaya kajian terperinci dibuat terlebih dahulu oleh Kementerian Kerja Raya mengenai penentuan jajaran Lebuh Raya Pantai Barat (Koridor Selatan) daripada Banting ke Gelang Patah. Kajian tersebut dijangka akan dimulakan dalam tempoh masa yang terdekat ini dan dirancang siap dalam tempoh 3 bulan. Sehubungan itu, kaedah pelaksanaan projek ini akan diputuskan setelah Kerajaan menerima dan mengambil kira hasil kajian penentuan jajaran Lebuh Raya Pantai Barat (Koridor Selatan) yang dilaksanakan oleh kementerian ini.

Sekian. Terima kasih.